# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 25 APRIL 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | KARTEL LAMBAKAN PENTERNAK, DALAM NEGERI, UM -6 & 7<br>KARTEL IBARAT RAJA, MUKA DEPAN, UM -1 & 4<br>JAKIM JANGAN LENGAH SIASATAN, MUKA DEPAN, UM -1 & 2<br>LARANGAN IMPORT LEMBU, KERBAU THAILAND DIMANSUH, NASIONAL, BH -5<br>2,000 BABI 'LESAP' DARI LADANG SECARA SENYAP-SENYAP, LOKAL, HM -21<br>2,000 EKOR BABI DI 19 LADANG 'HILANG', NEGERI SEMBILAN, SH -35 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 7.<br><br>8.<br><br>9.<br>10. | MMEA NABS 21 VIETNAMESE FOR ILLEGAL FISHING, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5<br>DUA BOT NELAYAN, 21 KRU CEROBOH PERAIRAN NEGARA DITAHAN, NASIONAL, BH -20<br>CURI HASIL ENAM TAN, LOKAL, HM -20<br>70 SET BUBU NAGA KENA RAMPAS, LOKAL, HM -20 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 11.<br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br><br>15.<br><br>16.<br><br>17.<br><br>18.<br><br>19.<br><br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24. | PROJEK TANAM JAGUNG LEPAS AIDILFITRI, NASIONAL, BH -5<br>MINISTER: AMENDMENT TO FAMA ACT ALREADY APPROVED BY CABINET, THE BORNEO POST -ONLINE<br>PROPOSE TO EXTEND FAMA RESPONSIBILITY TO POULTRY PRODUCTS, SIN CHEW DAILY -ONLINE<br>SELANGOR ALLOCATES RM1.1 MILLION FOR PRIHATIN RAKYAT MEGA SALE, SIN CHEW DAILY -ONLINE<br>PINDAAN AKTA FAMA 1965 PADA SESI PARLIMEN JULAI: RONALD, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE<br>'SEMARAK SYAWAL' SALE SET TO BENEFIT 15,391 ENTREPRENEURS, BORNEO POST (KK) -ONLINE<br>FAMA ACT 1965 AMENDMENTS ON LIVESTOCK MARKETING TO BE TABLED IN JULY, KWONG WAH YIT POH -ONLINE<br>FAMA SEEK TO PLAY AN EFFECTIVE ROLE IN STABILISING THE SUPPLY OF LIVESTOCK COMMODITIES, SIN CHEW DAILY (KUCHING) -ONLINE<br>FAMA ACT AMENDMENTS TO BE TABLED IN PARLIAMENT, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2<br>BEKALAN DAGING AIDILFITRI MENCUKUPI DI NEGERI SEMBILAN, LOKAL, HM -12<br>TAWAR BARANGAN MENTAH HARGA MURAH, NASIONAL, SH -31<br>JUALAN DAGING MENTAH MELONJAK, NASIONAL, SH -10<br>BEKALAN DAGING RAYA DI NEGERI SEMBILAN CUKUP, NEGARA, KOSMO -16<br>HARGA ENAM BARANG DITURUNKAN DI SHAH ALAM, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 25. | PERTUBUHAN PELADANG BEBAS ELEMEN POLITIK, KELANTAN, HARAKAH -13 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 26.<br>27.<br>28. | 29 LOKASI JUALAN PRIHATIN RAYA, NASIONAL, BH -22<br>EGGS-TRA SPECIAL, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4<br>URBAN AGRICULTURE BOOSTS FOOD SECURITY , LETTERS, NST -13 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |



PENTERNAK dakwa kartel tergamak membakar anak ayam bagi menaikkan harga ayam yang dijual di pasaran. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Orang tengah kawal industri ayam, MAFI didakwa tidak berfungsi

# Kartel hambakan penternak

**Oleh FAHMI FAIZ dan MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Industri ternakan ayam negara ini bagaikan 'diperhambakan' kumpulan kartel sehingga banyak ladang ternakan beroperasi dalam keadaan nyawa-nyawa ikan kerana pulangan diperoleh tidak sepadan dengan penat lelah.

Penternak ayam akan melalui kartel atau orang tengah bermula daripada perolehan anak ayam, makanan, ubat-ubatan, vitamin sehinga pembelian semula ayam matang selepas berusia 30 hingga 45 hari.

Sumber dalaman industri ayam memberitahu *Utusan Malaysia*, pihaknya ada bukti kegiatan kartel yang memeras penternak termasuk tidak menyediakan kontrak perjanjian yang telus malah boleh mengatur harga ayam di pelbagai peringkat.

> **"Pihak kami mempunyai bukti kegiatan kartel yang memeras penternak termasuk tidak menyediakan kontrak perjanjian penternakan yang telus malah boleh mengatur harga ayam di pelbagai peringkat."**
>
> **SUMBER**

Kartel-kartel tersebut didakwa berselindung di bawah persatuan penternakan turut melakukan sabotaj kepada syarikat lain yang ingin menceburi industri ayam.



Pemain industri diminta bantu usaha KPDNHEP

**Kerajaan siasat kartel ayam**

UTUSAN Malaysia 8 April 2022

Sumber itu memberitahu, antara bentuk sabotaj seperti mengupah persatuan penduduk tempatan melakukan piket membantah projek ternakan yang cuba dibangunkan pesaing.

"Monopoli kartel sangat memberi kesan kepada penternak kerana mereka boleh menentukan harga belian ayam dari ladang dengan rendah berbanding harga yang dijual semula pihak kartel ke pasaran terbuka seperti di pasar-pasar dan pemborong," kata sumber itu baru-baru ini.

Sumber itu berkata, terdapat lima hingga enam kartel besar sedang memonopoli industri ayam dan kumpulan kartel itulah yang menjadi penentu kepada stok dan harga ayam di pasaran.

**PENTERNAK JOHOR MAHU TUTUP LADANG**

Kata sumber itu, perkembangan terbaru membabitkan tekanan kartel ialah membabitkan 95 penternak di Johor yang didakwa sedang berkira-kira untuk memutup operasi ternakan.

"Keluhan 95 penternak itu mempunyai bukti yang dikaitkan dengan aktiviti kartel yang memeras mereka, termasuk tidak menyediakan kontrak perjanjian yang telus terutama dalam soal harga anak ayam.

"Kemuncak cengkaman kartel apabila harga belian semula ayam dari ladang yang terlalu murah berbanding harga yang dijual semua ke pasaran terbuka.

"Penternak sukar untuk cari makan dengan mengusahakan ternakan ayam dikuasai kartel," kata sumber.

Mengulas lanjut, kata sumber itu, kartel-kartel sangat 'berkuasa' apabila kerajaan yang cuba membangunkan ladang dan reban ayam bagi membantu penternak tidak kesampaian kerana rancangan itu turut dipintas kartel.

"Sepatutnya, kos ternakan mampu ditanggung penternak jika harga ayam yang dijual tidak mengikut harga yang dikawal oleh kartel. Maknanya harga yang berpatutan yang diambil

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

dari ladang ternakan seterusnya ayam yang boleh dijual mengikut harga pasaran sebenar," kata sumber itu yang melihat isu kartel sukar dibanteras.

Kata sumber itu lagi, jika kerajaan gagal membela nasib penternak di Johor sehingga mereka benar-benar gulung tikar, bekalan ayam akan terjejas dan mencetuskan masalah kepada rakyat lebih-lebih lagi menjelang sambutan Aidilfitri awal bulan depan.

**BAKAR ANAK AYAM KAWAL HARGA**

Dalam pada itu, satu sumber lain berkata, bagi mencengkam industri ayam, kartel akan mengawal bekalan anak ayam bagi tujuan pembakaan di seluruh negara.

Sumber itu memberitahu, sebagai contoh kartel-kartel berkuasa menentukan berapa jumlah anak ayam yang mahu berada di pasaran setiap hari sekali gus dengan bebas menetapkan harga anak ayam tanpa disekat oleh kerajaan.

Kata sumber, banyak situasi jika terlalu banyak ayam di pasaran, kartel tergamak membakar anak ayam bagi memastikan bekalan dalam pasaran berkurangan, sekali gus boleh menaikkan harga dengan alasan stok terhad.

"Berbeza dengan fahaman umum kononnya penternak yang menetaskan anak ayam, sebenarnya stok anak ayam untuk dijadikan baka di negara ini dikawal oleh kartel.

"Setiap hari, mereka akan menetaskan telur ayam di pusat penetasan. Apabila anak ayam menetas dan berusia sehari, mereka hantar anak-anak ayam kepada penternak di seluruh negara.

"Penternak cuma membela ayam 30 ke 45 hari, selepas itu ayam terus dijual ke pasaran," katanya.



**PENTERNAK mendakwa harga ayam dikawal kartel yang menentukan bekalan setiap hari ke pasaran. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN**

Menjelaskan lanjut, sumber mendakwa, kerajaan tiada kawalan ke atas bekalan anak ayam dan stok ayam di pasaran sebaliknya industri itu dikawal kartel seratus peratus.

**MAFI TIDAK BERFUNGSI**

Memberi contoh, Jabatan Veterinar pada Januari sehingga Julai 2020, merekodkan ketidakstabilan harga anak ayam ketara dan perkara tersebut menunjukan kerajaan hilang kawalan ke atas bekalan anak ayam, sebaliknya menyerahkan kepada kartel untuk menentukan bekalan dan harganya ke pasaran.

"Merujuk statistik itu, pada 8 Mei 2020, harga terendah anak ayam cuma 80 sen seekor, tapi pada 3 Julai 2020 harga naik mendadak sehingga RM2.50 seekor.

"Soalnya, kenapa kerajaan seakan-akan tidak mampu bertindak bagi mengawal perkara itu? Apa yang Kementerian Pertanian dan Industri (MAFI) buat, sedangkan mereka ada agensi seperti Jabatan Veterinar untuk pantau industri ayam agar sentiasa stabil," kata sumber itu.

Untuk rekod, kali terakhir Jabatan Veterinar memaparkan harga anak ayam bagi tujuan baka adalah pada 2020, dalam laman sesawang *www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/2951*.

Semakan mendapati, harga anak ayam pembakaan sepanjang tahun itu turun naik secara drastik, dengan yang tertinggi mencecah RM2.50 seekor pada 3 Julai 2020.

**PEMBEKAL CAMPUR ANAK AYAM TIDAK BERKUALITI**

Sementara itu, di Selangor, Setiausaha Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Mohd. Muzamri Soib berkata, penternak negeri tersebut sedang dilanda masalah apabila mendakwa pembekal sengaja mencampur aduk anak ayam berkualiti dengan yang tidak berkualiti.

Menurut beliau, sikap kapitalis pembekal anak ayam di negeri tersebut merisikokan penternak rugi apabila ayam yang diternak tidak membesar seterusnya tidak boleh dijual.

"Perkara ini jika berterusan bukan sahaja mengganggu pusingan modal penternak tetapi masalah lebih besar pasaran ayam mentah di negeri itu terganggu lebih-lebih lagi dekat raya," kata beliau ketika ditemui baru-baru ini.

Selain itu, dedah Muzamri, dasar pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap penternak yang menyusahkan sejak kebelakangan ini juga turut memberi tekanan kepada penternak sehingga ada yang mengambil keputusan untuk menutup atau menghentikan operasi reban mereka.

Jelas beliau, di Selangor terdapat tiga syarikat ternakan melibatkan sembilan hingga 10 ladang sukar untuk beroperasi berikutan keperluan mengeluarkan belanja tambahan bagi mematuhi peraturan-peraturan PBT seperti pelan pembinaan pusat ternakan.

"Selangor juga ada sembilan daerah dan setiap daerah ada syarat yang berbeza-beza. Masalah ketidakseragaman itu menyukarkan persatuan membantu penternak menguruskan perusahaan reban mereka mematuhi peraturan PBT, begitu juga di Johor.

"Namun untuk mematuhinya, penternak terpaksa berbelanja lebih RM100,000 dan ada yang terpaksa menanggung kos lebih setengah juta ringgit. Hal demikian menyebabkan penternak mengambil keputusan untuk menutup operasi," luahnya.

Kata Muzamri lagi, perkara itu sudah dibangkitkan kepada MAFI dan Jabatan Veterinar supaya membantu penternak mengelakkan kerenah birokrasi PBT bagi menjamin bekalan makanan negara stabil.

> **"Penternak negeri Selangor sedang dilanda masalah apabila mendakwa pembekal sengaja mencampur aduk anak ayam berkualiti dengan yang tidak berkualiti."**
>
> **MOHD. MUZAMRI SOIB**




**ADA pihak-pihak keliru dengan fungsi MAFI sehingga penternak mendakwa mereka diperhambakan oleh kartel. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

Kuasai 70 peratus bekalan ayam harian, sektor bernilai RM10 bilion

# Kartel ibarat raja

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sebanyak lima kartel didakwa telah berpuluh tahun menguasai keseluruhan rantaian industri ayam di negara ini dan bermaharajalela memonopoli sektor penting makanan negara bernilai RM10 bilion setiap tahun itu.

Sumber dalaman industri mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, kartel-kartel ini menguasai hampir 70 peratus daripada keseluruhan bekalan 2.2 juta ekor di pasaran setiap hari pada masa ini, iaitu kira-kira 1.5 juta ekor ayam.

Mereka mewujudkan rangkaian bisnes bagi menguasai sektor lain dalam industri ayam negara, termasuk mengawal pengeluaran makanan dedak ayam, menguasai import jagung untuk ramuan makanan ternakan, mengawal kegiatan import ayam sejuk beku secara haram selain memonopoli permit import (AP) ayam sejuk beku.

Bersambung di muka 4



**Bahang raya**

SAMBUTAN Aidilfitri tidak lama lagi membangkitkan suasana meriah di sana-sini dengan pusat beli-belah dikunjungi orang ramai bagi membuat persediaan untuk menyambut hari raya. Seorang bapa membantu anaknya mencuba baju Melayu untuk persiapan 1 Syawal di Kuantan City Mall, Kuantan di Pahang, semalam. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

ISU SEMBELIHAN HALAL

# Jakim jangan lengah siasatan

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tidak boleh melengahkan siasatan melibatkan dakwaan sembelihan haiwan di Australia yang didakwa melanggar protokol.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam (PPIM), Datuk Nadzim Johan menegaskan, pemantauan lebih kerap perlu dilakukan terhadap pusat penyembelihan terlibat sama ada mereka mematuhi garis panduan ditetapkan kerajaan.

Katanya, perkara halal dan haram tidak boleh diambil mudah kerana soal tersebut menjadi sumber utama makanan umat Islam di negara ini.

"Yang penting kita kena teliti dahulu sama ada mereka patuh atau sebaliknya. Masalahnya selama ini, pihak berkuasa tidak pantau setelah lesen kebenaran penyembelihan diberikan.

"Pemantauan itu penting dan secara lebih berkerap agar pihak berkenaan tidak mengambil mudah peluang diberikan pihak berkuasa untuk menyembelih haiwan dengan dipastikan mereka mematuhi peraturan kerajaan Malaysia," katanya.

Bersambung di muka 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |



KERAJAAN perlu mengambil tindakan tegas termasuk mengkaji semula import daging sembelihan jika dakwaan cara sembelihan haiwan melanggar protokol benar-benar berlaku. - GAMBAR HIASAN

# Jakim jangan lengah siasatan

Dari muka 1

Semalam, *Mingguan Malaysia* melaporkan pendedahan seorang bekas pekerja sebuah rumah penyembelihan di Australia yang mengesahkan dakwaan serta bukti rakaman video cara sembelihan haiwan di situ melanggar protokol adalah benar.

Dia yang enggan namanya didedahkan berkata, rumah itu sepatutnya hanya melaksanakan kerja penyembelihan kira-kira 4,000 ekor haiwan sehari mengikut kapasiti loji yang mempunyai tiga petugas untuk melakukannya, namun diarah memproses sehingga 6,500 ekor sehari demi mengejar keuntungan.

"Segala bukti yang didedah berhubung ketidakpatuhan halal sebuah rumah sembelihan di Australia sahih, saya saksi dengan 'mata kepala' sendiri," jelasnya.

Sumber terbabit yang pernah menjalankan operasi penyembelihan di situ mendakwa, sebelum bertindak mendedahkan salah laku itu, dia secara konsisten membuat aduan dan membangkitkan perkara tersebut kepada wakil Jakim dan Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australian Inc. (SICHMA), namun tidak diambil peduli.

Perkara terbaharu susulan laporan akhbar ini yang mendedahkan, terdapat rumah penyembelihan kambing biri-biri di Australia yang mendapat pengiktirafan Malaysia dan Singapura didapati melanggar protokol sembelihan halal.

Menurut laporan yang disokong saksi, kambing biri-biri dilemaskan dalam darah yang terkumpul daripada haiwan yang disembelih sebelumnya dan bukannya kerana haiwan itu disembelih sebagaimana syarat dalam keperluan penyembelihan halal.

Dalam pada itu, Nadzim berkata, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas termasuk mengkaji semula import daging sembelihan jika dakwaan itu didapati benar-benar berlaku.

Bagaimanapun, jelas beliau, siasatan dan pemantauan perlu dilakukan secara teliti terlebih dahulu bagi memastikan dakwaan itu sahih atau sebaliknya.

"Pihak berkuasa kena hantar pegawai risikan walaupun mereka mengarahkan pegawai pemantau untuk memantau kerana mungkin ada pusat penyembelihan ikut prosedur standard operasi ketika pemantauan, tetapi hari lain, lain pula jadinya," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

## KARTEL AYAM

Berikut rajah yang menunjukkan setiap proses dalam industri ayam dan bagaimana kartel mengawal proses tersebut.



**1. STOK INDUK AYAM**
Kartel kawal stok induk ayam, sama ada daripada sumber tempatan sedia ada atau yang diimport dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kesatuan Eropah.

**2. LADANG BAKA**
Penghasilan telur ayam daripada stok induk untuk penetasan.

**3. PUSAT PENETASAN**
Penetasan telur ayam menjadi anak ayam (*Day-old chick* atau DOC).

**4. LADANG AYAM**
Ada kira-kira 2,600 ladang mengeluarkan 2.2 juta ekor ayam dewasa sehari.

**5. PENYEMBELIHAN DAN PEMPROSESAN**
Cuma 30 peratus diproses di kilang yang memenuhi piawaian keselamatan makanan bertaraf dunia.

**6. PROSES LANJUTAN**
Pengeluaran produk hiliran seperti ayam kisar, burger, sosej dan nuget ayam.

**7. PEMASARAN DAN PENGEDARAN**

# Kartel ibarat raja

Dari muka 1

Kata sumber, kartel-kartel itu membuat keuntungan berlipat ganda dengan memainkan harga anak ayam dan dedak kepada penternak, kemudian menekan peruncit pula apabila menjual ayam dengan harga tinggi dan mengakibatkan pengguna yang terpaksa menanggung kenaikan kos tersebut.

Menurutnya, oleh sebab kartel menguasai industri bernilai berbilion ringgit, maka mereka sengaja memutar belit maklumat berkenaan industri ayam sehingga menampakkan seolah-olah penternak dan peruncit yang bersalah menaikkan harga sesuka hati supaya kerja kotor mereka tidak terdedah untuk melindungi monopoli selama puluhan tahun ini.

"Bukan seperti fahaman umum, proses pengeluaran ayam tidak bermula di peringkat penternak, malah lebih awal iaitu di peringkat mengimport induk ayam yang disebut *great grandparent stock* dari United Kingdom, Kesatuan Eropah mahupun Amerika Syarikat. Seawal proses ini sudah dikuasai kartel.

"Kemudian, induk ini dihantar ke ladang baka untuk menghasilkan telur. Peringkat seterusnya, telur dihantar ke pusat penetasan untuk menghasilkan anak ayam berusia sehari bagi pembakaan, dikenali *day old chicken* (DOC) sebelum dihantar kepada penternak seluruh negara," katanya.

Mengulas lanjut, sumber berkata selepas penternak menerima bekalan anak ayam daripada kartel, mereka akan membela anak ayam tersebut dalam tempoh tertentu, sebelum kartel datang membeli ayam tersebut.

"Pada waktu ini, kartel yang juga dikenali dalam industri sebagai integrator akan serahkan bil kepada penternak. Bil ini disebut sebagai penyata integrator.

"Kami ada bukti, dalam penyata integrator bertarikh 31 Mac tahun ini, kartel beli ayam daripada penternak dengan harga RM4.60 sekilogram. Untuk makluman, berat ayam di pasaran biasanya dua kilogram seekor, bermakna kartel cuma beli daripada penternak dengan harga purata RM9.20 bagi seekor ayam.

"Harga RM9.20 ini, sudah termasuk kos makanan. Maksudnya, harga makanan diserap oleh penternak bukannya kartel. Dalam penyata integrator itu jelas buktikan penternak yang kena bayar dedak kepada kepada kartel berharga RM98.50 bagi dedak kecil dan RM96.50 untuk dedak besar," katanya.

Sumber menjelaskan, selepas itu penternak akan hantar ayam ke pusat sembelihan yang kosnya kira-kira RM1.50 seekor ayam, termasuk upah pembungkusan.

"Jadi, kos kartel setakat itu ialah RM9.20 dan RM1.50, kemudian campur kos pengangkutan. Apabila dicampur semua, kos mereka cuma kira-kira RM11 untuk seekor ayam. Sekarang cuba fikir, pada bulan April, rakyat mengeluh sebab harga ayam mencecah RM20 seekor yang beratnya dua kilogram. Ini sebab harga siling kartel cecah RM10 sekilogram. Rakyat bayar ayam harga Yahudi, tapi di belakang, kartel untung hampir 100 peratus," katanya.

> **"Selepas penternak menerima bekalan anak ayam dari kartel, mereka akan membela anak ayam tersebut dalam tempoh tertentu, sebelum kartel datang membeli ayam tersebut."**
>
> SUMBER

Mengulas lanjut, sumber berkata, antara alasan kartel harga ayam di pasaran sukar dikawal kononnya akibat kenaikan harga jagung yang diimport, sedangkan kos itu bukan ditanggung kartel sebaliknya dibayar oleh penternak.

Malah lebih jelik, sumber mendakwa kartel juga mensabotaj usaha kerajaan memperkenalkan bahan alternatif dedak ayam menggunakan isirong kelapa sawit (PKE).

"Pada 2017, Sime Darby dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memperkenalkan PKE sebagai ramuan tambahan sokongan untuk makanan ayam selain jagung dan soya. Namun, ia mendapat tentangan daripada kartel yang dipercayai menguasai sektor import jagung.

"Saya syak, kartellah yang melobi kerajaan supaya tidak menggunakan PKE yang merupakan bahan mentah tempatan sebagai makanan ayam, sebab ini akan menjejaskan perniagaan mereka," katanya.

Penyata integrator bertarikh 31 Mac 2022 membuktikan kartel beli ayam daripada penternak dengan harga RM4.60 sekilogram malah mengenakan bayaran dedak kepada penternak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Larangan import lembu, kerbau Thailand dimansuh

## Malaysia tambah beberapa syarat ketat sebelum ternakan boleh dibawa masuk

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my


*Ahmad melihat demonstrasi membuat kuih selepas merasmikan Festival Kuih Tradisional peringkat negeri Melaka di RTC Sungai Rambai, Jasin, semalam.* (Foto Amir Mamat/BH)

**Jasin:** Larangan import lembu dan kerbau dari Thailand sejak pertengahan tahun lalu berikutan penularan penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) yang dilaporkan di lebih 41 wilayah di negara itu, sudah dimansuhkan berkuat kuasa 15 Mac lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pemansuhan larangan itu disertakan beberapa syarat ketat terhadap pihak berkuasa Thailand sebelum ternakan itu dibenarkan dibawa masuk ke Malaysia.

Antara syarat terbabit, katanya, lembu dan kerbau yang dibenarkan dibawa masuk perlu dikuarantin selama 35 hari di fasiliti kuarantin bagi lembu ternakan dan tenusu, manakala 28 hari bagi lembu sembelihan.

Beliau berkata, ternakan dari negara itu juga perlu dipastikan tiada jangkitan penyakit kuku dan mulut (FMD), *tuberculosis* serta LSD jika mahu diimport.

"Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan mengesahkan ternakan itu bebas daripada sebarang penyakit sebelum dibenarkan dibawa masuk ke Malaysia. Jika haiwan sah dijangkiti LSD, FMD serta tuberculosis, tidak akan dibenarkan masuk.

"Kita perlu memastikan kesihatan pengguna serta ternakan lain tidak terdedah kepada penyakit," katanya ketika ditemui media selepas Festival Kuih Tradisional peringkat negeri Melaka di pekarangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sungai Rambai, di sini semalam.

Malaysia menghentikan serta-merta import lembu dari Thailand pada 7 Jun 2021 selepas kebanyakan haiwan itu yang diternak di negara berkenaan disahkan dijangkiti LSD yang mungkin boleh memudaratkan jika dibawa masuk ke negara ini.

Jumaat lalu, Thailand dilaporkan sedia membekal semula lembu ke negara ini dengan mematuhi semua peraturan dan prosedur import ditetapkan JPV Malaysia, khususnya untuk ibadah korban menjelang Aidiladha pada Julai nanti.

Pengarah Bahagian Kerjasama Antarabangsa Ternakan, Jabatan Pembangunan Ternakan Thailand (DLD) Dr Wacharapon Chotiyaputta, berkata negaranya mempunyai kemudahan, kapasiti dan bekalan mencukupi untuk eksport.

Pemain industri, termasuk pengeksport dan penternak lembu di Thailand juga memberi jaminan akan mematuhi peraturan dan prosedur import Malaysia untuk memastikan ternakan bebas daripada penyakit.

Pada 2021, Malaysia mengimport sebanyak 12,405 lembu dari Thailand sempena Aidiladha berbanding 12,553 ekor pada 2020.

# Projek tanam jagung lepas Aidilfitri


*Izham melawat gerai ayam selepas sidang media khas Jualan Prihatin Rakyat Mega sempena Aidilfitri di Pasar Tani Seksyen 13, Shah Alam, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor akan memulakan projek penanaman jagung untuk makanan ayam selepas Aidilfitri sebagai usaha mengatasi isu kenaikan harga makanan ternakan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani negeri, Ir Izham Hashim, berkata projek tanaman menerusi Program Intervensi Ehsan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dijalankan atas tanah 162 hektar di Negeri Sembilan, manakala 121 hektar lagi di negeri ini.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan ayam yang ketika ini mencecah bilion ringgit dan disifatkan tidak munasabah.

"Pihak PKPS juga sudah mendapatkan satu syarikat yang berpengalaman dalam penanaman jagung untuk makanan ayam.

"Jadi, kita akan lihat bagaimana ia dapat menyumbang kepada kestabilan harga makanan ayam.

"Kita harap perkara ini dapat dilaksanakan dalam masa terdekat supaya (isu) harga ayam boleh diselesaikan, bukan setakat stabil tetapi diturunkan lagi.

"Jika berjaya dilaksanakan, Selangor akan menjadi pelopor (penghasilan jagung untuk makanan ayam)," katanya pada sidang media Jualan Prihatin Rakyat Mega di Pasar Tani Seksyen 13 di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) MBI, Norita Mohd Sidek.

Sementara itu, Dr Mohamad Khairil berkata, lebih RM3 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek penyelesaian jangka masa panjang susulan peningkatan harga makanan ayam.

Katanya, kerja pembersihan tanah di Kuala Langat Selatan dan lokasi yang sedang dikenal pasti di Negeri Sembilan giat dijalankan sebelum projek terbabit bermula.

"Sekarang dalam perbincangan terakhir untuk kerjasama rentas negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Insya-Allah, selepas raya kita akan mulakan projek penanaman," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/4/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

# 2,000 babi 'lesap' dari 19 ladang secara senyap-senyap

**Seremban:** Sejumlah 19 ladang babi di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson, dekat sini, didapati kosong dengan kira-kira 2,000 ternakan itu dipercayai dibawa keluar tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

Sebelum ini, satu ladang di kawasan itu disahkan dijangkiti virus Demam Babi Afrika (ASF) yang menyebabkan 275 haiwan berkenaan dilupuskan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, pengosongan ladang itu hanya diketahui selepas pasukan pemantau Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) membuat pemeriksaan.

Bagaimanapun, katanya, pemilik ladang tidak memaklumkan tindakan berkenaan terlebih dahulu dan sehingga kini JPVNS tiada pengetahuan sama ada babi diternak dipindah ke lokasi lain atau dilupuskan.

> Tiada laporan kemungkinan babi dari 19 ladang itu dijual pada harga murah

"Pemantauan dilakukan dan perkara ini dimaklumkan kepada polis. Jika kami ada maklumat (keberadaan babi), kami masuk serta-merta untuk tindakan lanjut," katanya ketika meninjau jualan daging dan produk asas tani serta mempromosi Mantai Perdana Online di Pasar Tani Paroi Jaya di sini, semalam.

Bakri berkata, JPVNS juga tidak menerima laporan kemungkinan babi dari 19 ladang itu dijual kepada orang ramai pada harga murah.

Pada 8 April lalu, JPVNS mengesan kes pertama ASF di ladang di Kampung Baru Tanah Merah Site A dan mengambil tindakan melupuskan semua 275 babi.




LADANG ternakan babi di Kampung Baru Site A, Tanah Merah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI SEMBILAN | 35 |

# 2,000 ekor babi di 19 ladang 'hilang'

Dipercayai dibawa keluar tanpa pengetahuan pihak berkuasa

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Kira-kira 2,000 ekor babi di 19 ladang di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson dipercayai dibawa keluar tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

Ia selepas satu ladang di kawasan itu disahkan dijangkiti virus Demam Babi Afrika (ASF), sekali gus menyebabkan 275 ekor babi terpaksa dilupuskan.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, perkara itu hanya diketahui selepas pasukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) yang membuat pemeriksaan mendapati kesemua ladang itu telah kosong.

"Susulan kes ASF dilaporkan di sebuah ladang sebelum ini, kita buat pemeriksaan dari ladang ke ladang untuk mengambil sampel, tapi semuanya telah kosong.

"Pemantauan terus dilakukan dan perkara ini sudah dimaklumkan kepada pihak polis.

"Jika kita mempunyai maklumat, kita akan masuk sertamerta untuk tindakan lanjut," katanya selepas meninjau jualan daging dan produk asas tani di Pasar Tani Paroi Jaya serta mempromosi Mantai Perdana Online di sini pada Ahad.

Menurutnya, JPVNS tiada pengetahuan sama ada babi diternak dipindahkan ke lokasi lain atau dilupuskan.

Tambah beliau, JPVNS juga tidak menerima laporan kemungkinan babi dari 19 ladang itu dijual kepada orang ramai pada harga murah atau dilupuskan

"Sebelum ini saya telah ingatkan berhati-hati jika ada yang jual babi dengan harga yang murah.

"Kita akan teruskan pemantauan dan saya sudah minta pihak perundangan untuk melihat dari sudut undang-undang, apa lagi tindakan yang boleh diambil," katanya.

Pada 8 April lalu media melaporkan, JPVNS mengesan kes pertama ASF di sebuah ladang di Kampung Baru Tanah Merah Site A dan mengambil tindakan melupuskan kesemua 275 ekor babi tersebut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/4/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 5 |

# MMEA nabs 21 Vietnamese for illegal fishing

**MERSING:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) has detained 21 Vietnamese skippers and crew members for illegally fishing in the country's waters last Friday.

Mersing Maritime Zone director maritime commander Khairul Nizam Misran said two boats and fishing equipment worth about RM2 million were seized during operations dubbed "Op Khas Pagar Laut" and "Op Khas Kuda Laut" about 62 nautical miles north-east of Kuala Mersing at 10am.

He said about 6,000kg of various types of catch and about 5,500 litres of diesel were also confiscated.

"The suspects, aged between 16 and 62, failed to produce their identification documents and were taken to the Malaysian maritime jetty at Teluk Gading for further investigation," he said in a statement yesterday. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/4/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |

# Dua bot nelayan, 21 kru ceroboh perairan negara ditahan

**Mersing:** Dua bot nelayan warga asing bersama 21 kru ditahan kerana menceroboh perairan negara bersama 6,000 kilogram hasil laut, 5,500 liter diesel dan peralatan menangkap ikan bernilai RM2 juta.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Mersing menahan dua bot terbabit kerana menceroboh perairan negara di Kuala Mersing pada jam 10 pagi Jumaat lalu.

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Khairul Nizam Misran, berkata ia ditahan menerusi rondaan operasi penguatkuasaan bersepadu Op Khas Pagar Laut dan Op Khas Kuda Laut di kedudukan lebih kurang 62 batu nautika timur laut dari Kuala Mersing.

"Pemeriksaan terhadap 21 kru, termasuk tekong kedua-dua bot, warga Vietnam berusia di antara 16 hingga 62 tahun juga gagal mempamerkan pengenalan diri yang sah.

"Kes akan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal mempamerkan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Semua kru ditahan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Pos Teluk Gading untuk siasatan lanjut. Hasil rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM 2 juta," katanya.

Khairul Nizam berkata, pihaknya mengambil serius dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbabit dengan aktiviti pencerobohan vesel penangkapan ikan negara asing bagi mengaut hasil laut dalam perairan negara.

"Pemeriksaan terhadap 21 kru termasuk tekong kedua-dua bot, warga Vietnam berusia di antara 16 hingga 62 tahun juga gagal mempamerkan pengenalan diri yang sah"



*Khairul Nizam Misran*
*Pengarah Zon Maritim Mersing*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |



APMM menahan bot nelayan Vietnam yang menceroboh perairan negara di Kuala Mersing.

# Curi hasil enam tan

## APMM tahan 21 nelayan Vietnam ceroboh perairan negara

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

**Mersing**

Dua bot nelayan Vietnam bersama 21 kru ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Mersing dan merampas hasil laut serta menyita bot bernilai lebih RM2 juta kerana menceroboh perairan negara di Kuala Mersing, Jumaat lalu.

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Khairul Nizam Misran berkata, mereka ditahan kira-kira jam 10 pagi bersama peralatan menangkap ikan dan hasil tangkapan dianggarkan enam tan serta bekalan diesel kira-kira 5,500 liter.

Katanya, kedua-dua bot ditahan APMM dalam rondaan operasi penguatkuasaan bersepadu Op Khas Pagar Laut dan Op Khas Kuda Laut di kedudukan 62 batu nautika timur laut dari Kuala Mersing.



SATU daripada dua bot nelayan Vietnam yang ditahan APMM.

"Pemeriksaan terhadap 21 kru termasuk tekong kedua-dua bot, warga Vietnam berumur antara 16 hingga 62 tahun juga gagal mempamerkan pengenalan diri yang sah.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal mempamerkan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Semua kru yang ditahan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Pos Teluk Gading untuk siasatan lanjut. Hasil rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM2 juta," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Kata Khairul Nizam, pihaknya mengambil serius dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbabit dengan aktiviti pencerobohan vesel penangkapan ikan negara asing bagi mengaut hasil laut dalam perairan negara.

# 70 set bubu naga kena rampas

**Georgetown:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Pulau Pinang merampas 70 set bubu naga bernilai RM8,400 di lima lokasi berbeza di barat laut perairan Sungai Udang, dekat sini, kelmarin.

Pengarahnya, Abd Razak Mohamed berkata, semua bubu naga itu dirampas di kedudukan 1.6 hingga 2.2 batu nautika barat laut perairan Sungai Udang bermula jam 2.20 petang hingga jam 3 petang dalam Op Pertiwi/Benteng Laut.

"Pemantauan berterusan yang dilakukan pasukan operasi Maritim Pulau Pinang petang kelmarin mengesan beberapa pelampung yang mencurigakan di lima lokasi sebelum pemeriksaan menemui 70 set bubu naga yang dipasang oleh individu tidak bertanggungjawab.

"Ini adalah rampasan kedua dalam tempoh terdekat yang pihak kami merampas 28 set bubu naga di perairan Batu Kawan malam Khamis," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

Beliau berkata, pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 dan nelayan diingatkan supaya mematuhi undang-undang serta tidak melanggar syarat lesen perikanan yang diperuntukkan.



SEBAHAGIAN daripada 70 set bubu naga yang dirampas di lima lokasi di kedudukan 1.6 hingga 2.2 batu nautika barat laut perairan Sungai Udang, kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2022 | THE BORNEO POST | ONLINE | |

# Minister: Amendment to Fama Act already approved by Cabinet



*Ronald (seated centre) at a press conference explaining on the amendments to the Fama Act at Fama Sarawak office, after officiating 'Semarak Syawal' at Medan Niaga Satok yesterday. Also in the picture are (from left) Zainal Abidin, Martin, Haslina and Rashid.*

KUCHING (April 25): Amendment to the Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) Act has been approved by the Cabinet and will be brought to Parliament in the next Parliament sitting.

Agriculture and Food Industries (Mafi) Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said an amendment to the law has already been approved by the Cabinet to expand the scope of responsibilities and functions of Fama, not only for crops, vegetables but also for livestock products.

"The Cabinet has approved the draft amendment which will be submitted by Mafi to Parliament for approval in the next Parliamentary session.

"Fama has made amendments to include livestock as one of their jurisdictions that will be entrusted to Fama.

"Definitely, we want to see Fama play a role in marketing crop products, as well as livestock products in the country. We are confident that Fama will continue to function as the largest federal marketing agent to market food products in our country and at the same time develop the agro-food industry to ensure supply reaches all Malaysians," he said.

He disclosed this in a press conference at Fama Sarawak office here yesterday, after officiating stalls of 'Semarak Syawal' at Medan Niaga Satok here in the morning.

"This amendment will expand the scope of Fama's functions on the marketing of commodities and livestock products through its marketing chain as well as stabilise the supply chain of livestock products, besides helping farmers and agri-entrepreneurs market their products in a more effective manner.

"Currently, there is no specialised agency that functions in conducting livestock marketing activities. Through the amendment of this Act, Fama will take the role to also distribute livestock commodities as well as stabilise the supply chain to ensure that supply is always in the market and the supply chain is not disrupted," he added.

For the record, Fama is an agency of Mafi authorised under the Federal Agricultural Marketing Authority Act 1965 (Act 141) to supervise, coordinate, regulate and promote the marketing of Malaysian agricultural products under Section 1A of Act 141 except for pineapple, rubber, oil palm, paddy, rice, tobacco and cocoa products.

Others present at the press conference were Deputy Minister of Modernisation of Agriculture and Regional Development Martin Ben, Mafi secretary general Datuk Haslina Abdul Hamid, Fama

director general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli and deputy Fama director general (Operations) Rashid Bahari.

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: 5 PRINTED SIZE: 67.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,483.00 ITEM ID: MY0048019278



25 APR, 2022

# Propose to extend FAMA responsibility to poultry products

Sin Chew Daily, Malaysia



## 擬讓FAMA管家禽產品

### 農長：擴大職能範圍

（古晋24日讯）农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪透露，当局将于来临国会会议寻求批准让联邦农业销售局（FAMA）扩大职能范围，不再仅限于负责种植农作物，如蔬菜产品等，同时也会负责家禽产品。

他指出，目前没有特定机构去进行负责家禽市场宣传，如果透过这个法案的通过，联邦农业销售局就可以直接接管，比如稳定供应链，确保符合市场需求。

他今早出席在砂督小贩中心为联邦农业销售局所举办的全国光辉伊斯兰历10月（Semarak Syawal）主持开幕礼后，召开新闻发布会时也强调，目前市场上的鸡肉、蔬菜等都足够应对来临的开斋节，农业部也会时时刻刻确保食材充足，以满足全国人民。

另外，罗纳建迪指出，在全国光辉伊斯兰历10月活动上，农业部将透过联邦农业销售局在全国设立797个营销点，而砂督小贩中心是其中一个。

其余地方包括农贸市场、永久农贸市场、乡区转型中心、人民农产品市集、农产品市集人民商店及农场市集。

他指出，人民除了可以在上述地点购买到新鲜肉类和蔬菜外，也可以购买到与开斋节有关的产品，包括方形糯米粽、仁当、竹筒饭以及各种各样的马来糕点等。

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: 5 PRINTED SIZE: 67.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,483.00 ITEM ID: MY0048019278



25 APR, 2022

# Propose to extend FAMA responsibility to poultry products

Sin Chew Daily, Malaysia



## SUMMARIES

(古晋24日讯） 农 业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪透露，当局将于来临国会会议專求批准让联邦农业销售局（FAMA
)扩大职能范围，不再仅限于负责种植农作物，如蔬菜产品等，同时也会负责家禽产品。他指出，目前没有特定机构去进行负责家禽市场宣传，如果透过这个法案的通过，联邦农业销售局就可以直接接管，比如稳定供应链，确保符合市场需求o他今早出席在砂督小贩中心为联邦农业销售局所举办的全国光辉伊斯兰历10



25 APR, 2022

# Selangor allocates RM1.1 million for Prihatin Rakyat Mega Sale

Sin Chew Daily, Malaysia



（沙亚南24日讯）随着开斋节将至，雪州政府拨款110万令吉，从明日起至5月2日的开斋节前夕，分阶段在州内29个地点举办关怀人民大减价促销活动（Jualan Prihatin Rakyat Mega），低价售卖开斋节6大应节食材，以减轻人民生活负担。



依兹汉（左）向两名民众了解过节采购食材的过程。（马新社图）

## 雪撥110萬 今起29地舉辦

# 開齋節應節食材大減價

**依兹漢：可讓5萬人受惠**

